SELVAM S/O MURUGIYA

lwn

M.C.T.M. CORPORATION PRIVATE LIMITED

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
PUAN RAHMAH BT HUSSAIN PK.
[GUAMAN SIVIL NO. S5-23-97-89]
7 JUN 1993

AMALAN PROSEDUR: Pemindaan pembelaan - Kes kemalangan jalanraya -Penggantian pihak defendan - Kes defendan sedia dimulakan - Samada permohonan dibuat secara bona fides - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 Aturan 20 Kaedah 5.

Kemalangan jalanraya dalam kes ini telah berlaku dalam tahun 1985. Perbicaraan kes telah bermula pada 22 September 1992 dan dilangsungkan pada hari-hari yang ditetapkan. Pada 28 Januari 1993 pihak Defendan memanggil saksinya yang pertama. Keterangan saksi itu menerima bantahan daripada peguam plaintif atas alasan ia tidak diplidkan. Keterangan tersebut bertujuan menerangkan bahawa pada masa material kemalangan berlaku pemilikan dan kawalan (possesion and control) motokar berkenaan telah pun terpindah sebelum itu ke pihak lain melalui satu "trade-in". Peguam defendan kemudiannya membuat permohonan memindakan pernyataan pembelaan supaya mempamerkan fakta ini.

Mahkamah telah disyorkan bahawa pindaan ini tidak akan menjejas kes plaintif dan sepatutnya dibenarkan untuk membawa ke tengah isu-isu yang kurang jelas akibat daripada keterangan saksi defendan yang tidak dibenarkan oleh Mahkamah. Peguam plaintif pula menyoal *bona fides* permohonan ini memandangkan kes telah ditetapkan untuk perbicaraan 3 tahun selepas pliding difailkan.

Diputuskan:

[1] Permohonan defendaan pada saat-saat akhir ini adalah dibuat *mala fides* kerana dibuat sebagai mencari helah atau jalan untuk tidak mematuhi keputusan Mahkamah yang dibuat pada 28 Januari 1993.

Defendan tahu akan hal pindahan pemilikan kereta itu pada masa pernyataan pembelaan difailkan pada 1990 dan sepatutnya dinyatakan pada ketika itu dalam pliding atau sekurang-kurangnya pindaan dibuat sebelum saat-saat terakhir, terutama sekali setelah Mahkamah telah membuat keputusan mengenai keterangan saksi yang tidak dibenarkan kerana tidak diplidkan.

[2] Pindaan itu juga akan memprejudiskan kes plaintif denngan cara yang tidak boleh dipampaskan dengan kos. Pihak plaintif akan terjejas kerana kini tidak dapat membawa kes terhadap mana-mana pihak lain kerana tempoh had masa telah tamat.

[Permohonan ditolak dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:

*Yamaha Motor Co. Ltd. v. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd & Ors. [1983] 1 MLJ. 213 (**dirujuk**)*

*Yoong Leok Kee Corporation Sdn Bhd v. Chin Thong Thai [1981] 2 MLJ (**dirujuk**)*

*Haji Hassan & Ors v. Teo Soon Yen & Anor [1971] (**dirujuk**)*

*Hock Hua Bank Bhd v. Leong Yew Chin [1987] 1 MLJ 230 (**dirujuk**)*

*Government of Malaysia v. Mohamed Amin bin Hassan [1986] 1 MLJ 224 (**dirujuk**)*

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 20k.5

Bagi pihak plaintif - T/n. Manikam Avadiar & Co.
Bagi pihak defendan - T/n. V.P. Nathan & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Rahmah bt Hussain PK:

Ini adalah satu kes kemalangan jalanraya di mana plaintif telah mendapat kecederaan parah yang menyebabkan beliau lumpuh dari bahagian pinggang ke bawah. Kemalangan berlaku dalam tahun 1985.

Perbicaraan kes ini telah dimulakan pada 22 September 1992 dan seterusnya disambung bicara pada 23 September, 16 Disember dan 17 Disember, 1992. Selepas itu kes ditetapkan untuk sambung bicara pada 28 dan 29 Januari 1993.

Pada 28 Januari 1993, pihak defendan telah memulakan kesnya dan memanggil saksi pertama iaitu Pengurus Syarikat itu bernama R.M. Somasundram. Semasa beliau memberi keterangan, peguam plaintif Encik Manickam telah membantah keterangan yang diberi oleh saksi tersebut kerana perkara itu tidak diplid dalam pernyataan pembelaannya. Setelah mendengar penghujahan kedua-dua peguam saya telah membenarkan bantahan tersebut.

Oleh yang demikian peguam defendan Encik Omar Bakhi Ahmad memohon penangguhan untuk memfailkan Afidavit Penyampaian Sapina ke atas seorang saksi pihak defendan bernama Salimin bin Said yang tidak hadir di Mahkamah pada hari itu. Seterusnya beliau memohon supaya Mahkamah mengeluarkan Waran Tangkap terhadap saksi tersebut. Walau bagaimanapun, peguam defendan memberi pendapatnya bahawa prosedur sedemikian mungkin salah bagi kes sivil.

Saya telah menangguhkan kes untuk sambung bicara ke 12 dan 13 April, 1993 dengan arahan supaya defendan membawa Prosiding Penghinaan Mahkamah terhadap saksi berkenaan.

Sementara itu pada 13 Mac 1993 defendan telah memfail satu permohonan untuk meminda Pernyataan Pembelaannya [Kandungan (31)]. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

3. The defendant further aver that m/car No. WAM 5152 was sold to M/s UMW Toyota (M) Sdn. Bhd. on 28 September 1985 as a "trade-in" vehicle and after the said date, the defendant has no further possession or control of m/car No. WAM 5152.

4. By virtue of paragraph (3), the defendant avers that they were not the owner of m/car No. WAM 5152 at the date of the accident on 17 November 1985 and as such, they are not liable towards the plaintiff as the vehicle was neither in the possession or control of the defendan nor was it being driven by the defendant's servant or agent or with the defendant's permission.

Encik Omar Bakhi Ahmad, peguam defendan dalam hujahannya berkata bahawa tujuan pindaan ini dibuat ialah untuk membawa ketengah isu-isu yang tidak berapa jelas, setelah Mahkamah tidak membenarkan saksi defendan memberi keterangan mengenai perkara yang tidak diplidkan. Katanya lagi kes pihak plaintif tidak akan terjejas dengan pindaan tersebut.

Encik Manickam pula berhujah bahawa permohonan tidak dibuat bona fide kerana kes telah ditetapkan untuk perbicaraan tiga tahun selepas pliding difailkan. Juga permohonan pindaan dibuat hanya selepas Mahkamah ini membuat suatu keputusan (ruling). Oleh itu permohonan ini adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

Dalam perkara ini undang-undang relevan yang terpakai ialah dibawah Aturan 20 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, iaitu:

5.(1) Tertakluk kepada Aturan 15, kaedah 6, 7 dan 8 dan peruntukan-peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membenarkan plaintif meminda writnya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara (jika ada) sebagaimana yang diarahkannya.

(2) Jika sesuatu permohonan kepada Mahkamah untuk membuat pindaan yang disebutkan dalam perenggan (3), (4) atau (5) dibuat selepas apa-apa tempoh had masa yang relevan yang berkuatkuasa pada tarikh pengeluaran writ itu telah tamat, maka Mahkamah boleh bagaimanapun memberikan kebenaran sedemikian mengikut hal-hal keadaan yang disebutkan dalam perenggan itu jika difikirkannya adil berbuat demikian.

(3) Sesuatu pindaan untuk memperbetulkan nama sesuatu pihak boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun dikatakan bahawa kesan pindaan itu ialah untuk menggantikan suatu pihak baru jika Mahkamah berpuashati bahawa kesilapan yang tulen dan tidak mengelirukan atau hingga menyebabkan apa-apa keraguan yang munasabah tentang identiti orang yang bermaksud hendak mendakwa atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bermaksud hendak didakwa.

(4) Sesuatu pindaan untuk mengubahkan sifat yang suatu pihak itu mendakwa (sama ada sebagai plaintif atau sebagai defendan melalui tuntutan balas) boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) jika sifat, kiranya pindaan itu dibuat, yang pihak itu akan mendakwa ialah sifat yang pada tarikh pengeluaran writ atau pembuatan tuntutan balas itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia mungkin telah mendakwa.

(5) Sesuatu pindaan boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun kesan pindaan itu ialah untuk menambahkan atau menggantikan suatu kausa tindakan yang baru itu berbangkit daripada fakta-fakta yang sama atau sebahagian besarnya adalah fakta-fakta

yang sama seperti kausa tindakan yang berkenaan dengannya relief telah pun dituntut dalam tindakan itu oleh pihak yang memohon kebenaran untuk membuat pindaan itu.

Juga prinsip-prinsip am bagi Mahkamah membenarkan pindaan telah dirumuskan oleh Mahkamah Persekutuan (pada waktu itu) dalam kes *Yamaha Motor Co. Ltd. v. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd & Ors. [1983] 1 MLJ.213* seperti berikut:

> The general principle is that the Court will allow such amendments as will cause no injustice to the other parties. Three basic questions should be considered to determine whether injustice would or would not result
>
> (a) whether the application was bona fide;
>
> (b) whether the prejudice caused to the other side can be compensated by costs and
>
> (c) whether the amendments would not in effect turn the suit from one character into a suit of another and inconsistent character;.....

Oleh yang demikian adakah permohonan pihak defendan untuk meminda pernyataan pembelaan pada saat akhir ini dibuat bona fide. Peguam defendan berkata pindaan ini adalah sangat mustahak kerana pihak defendan terikat dengan keputusan Mahkamah dan terpaksa menjelaskan perkara itu. Beliau kemudian merujuk kepada kes *Yoong Leok Kee Corporation Sdn Bhd v. Chin Thong Thai* [1981] 2MLJ 21 dimana Mahkamah Persekutuan (pada waktu itu) telah memutuskan bahawa:

> The granting of such amendment did not in our view, prejudice the appellant in his defence as the opportunity was given by the learned judge to the appellant to recall any of the witness who had already testified.

Peguam defendan juga telah merujuk kepada beberapa nas-nas yang lain untuk menyokong permohonan seperti *Haji Hassan & Ors v. Teo Soon Yen & Anor* [1971] 2 MLJ 197; *Hock Hua Bank Bhd v. Leong Yew Chin* [1987] 1 MLJ 230.

Dalam kes *Hock Hua Bank Bhd* Mahkamah Agung, dengan keputusan majoriti telah memutuskan bahawa:

> The Court has power to grant an amendment after the expiry of the limitation period notwithstanding that the effect of the amendment will be to add or substitute a new cause of action, subject to the very important condition, namely that the new cause of action must arise out of the same or substantantially the same facts as the cause of action in respect of which relief had already been claimed.

Peguam plaintif sebaliknya berkata bahawa pindaan itu tidak patut dibenarkan kerana akan memudaratkan kes plaintif yang tidak boleh diberi pampasan dengan kos. Beliau kemudian merujuk kepada kes *Government of Malaysia v. Mohamed Amin bin Hassan* [1986] 1 MLJ. 224. Dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan (pada waktu itu) juga dengan keputusan majoriti memutuskan seperti berikut:

> What the respondent did was correcting the name of the party. Neither was it a mistake. It was merely the addition of a new and different party. This is not permissible under any provision of the Order 15 rule 1, particularly when the period of limitation affecting the proposed plaintiff had expired.

Oleh itu, dalam kes sekarang, setelah meneliti penghujahan kedua -dua peguam dan pindaan yang dicadangkan saya berpendapat bahawa permohonan defendan pada saat-saat akhir ini adalah dibuat mala fide kerana dibuat sebagai mencari helah atau jalan untuk tidak mematuhi keputusan Mahkamah yang dibuat pada 28 Januari 1993. Juga pindaan tersebut akan memprejudiskan kes plaintif yang tidak boleh diberi pampasan dengan kos. Mengikut pindaan yang dicadangkan iaitu perenggan (3) dan (4) pihak defendan tahu bahawa kenderaan yang terlibat dalam kemalangan telah dijual kepada Tetuan UMW Toyota (M) Sdn.Bhd. pada 28 September 1985 dan tidak kepunyaan mereka semasa kemalangan berlaku pada 17 November 1985. Sepatutnya mereka hendaklah menyatakan perkara ini di dalam Pernyataan Pembelaan mereka yang difailkan dalam tahun 1990, atau pun membuat pindaan sebelum kes ini ditetapkan untuk perbicaraan dalam tahun 1992 atau pada bila-bila masa selepas itu dan tidak menunggu di saat-saat akhir begini, terutama sekali setelah Mahkamah membuat suatu keputusan. Jika permohonan ini dibenarkan pihak plaintif tidak dapat membawa sebarang tindakan terhadap sesiapa pun pada masa ini sebab tempoh had masa telah tamat.

Keputusan saya diperkukuhkan lagi oleh kes *Government of Malaysia v. Mohamed Amin b Hassan* [1986] 1 MLJ 224 dimana Lee Hun Hoe, Hakim Besar (Borneo) [pada waktu itu] di muka surat 228, berkata:

> Clearly the Court has no power to resuscitate an action which must fail in limine upon a plea of limitation. [Sila lihat juga kes *Lee Lee Cheng v. Seow Peng Kwang* [1958] MLJ 271].

Berpandukan alasan-alasan yang diberi diatas saya telah menolak permohonan pihak defendan dengan memberi kos kepada pihak plaintif.

WONG POW

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' WAN ADNAN BIN ISMAIL H.
[SAMAN PEMULA NO.R2-24-41-93]
27 SEPTEMBER 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Kediaman terhad - Waran tangkap dan tahan - Samada ada kelewatan melaksanakan penangkapan - Samada kelewatan munasabah - Perintah sekatan - Samada syarat-syarat telah dipenuhi - Akta Kediaman Terhad ss. 2(i) & (ii), 2A(i); Interpretation and General Clauses Ordinance 1948, s. 38.

Pemohon di atas telah ditangkap pada 1 Jun 1992 di bawah waran yang dikeluarkan pada 4 Oktober 1988. Dia telah dibawa ke penjara dan di bawah s. 2A(i) dan 2(ii) Akta Kediaman Terhad 1933 (AKT) Perintah Sekatan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 17 Jun 1992, dia telah dibebaskan di bandar Kemaman.

Permohonan di hadapan Mahkamah adalah untuk pengisytiharan bahawa perintah di bawah AKT itu adalah salah di sisi undang-undang dan/atau tidak mematuhi undang-undang dan / atau tidak sah. Alasan-alasan yang dibentangkan adalah bahawa:

1) Terjadi kelewatan selama hampir 4 tahun dari tarikh waran dikeluarkan dan tarikh penangkapan. Ini adalah melanggari s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948.

2) Pemohon tidak ditanya di mana dia hendak tinggal di Bandaran Kemaman dan ini melanggari s. 3(i) AKT.

Diputuskan:

[1] Kelewatan di dalam kes ini berlaku di antara tarikh waran dikeluarkan dan tarikh ia dilaksanakan. Ianya menjadi beban responden menunjukkan kelewatan itu adalah munasabah dalm keadaan kes tertentu.

Penjelasan yang diberi oleh polis adalah bahawa maklumat di hantar memberitahu